

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 1 APRIL 2014

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [KOTA RAJA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status persempadanan semula kawasan pilihan raya, bila ia akan dikemukakan di Parlimen dan apakah status untuk mendapat konsensus daripada semua pihak yang berkepentingan (*stake holders*).

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (iii) Perlembagaan Persekutuan selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara

113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Oleh yang demikian, prinsip-prinsip persempadanan tersebut akan diguna pakai semasa urusan persempadanan pada kali ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak dapat memaklumkan tarikh-tarikh sebenar kepada pembentangan cadangan persempadanan SPR di Parlimen kerana ia bergantung pada bila urusan persempadanan boleh disiapkan. Walau bagaimanapun, SPR wajib mematuhi tempoh penyelesaian urusan tersebut dalam dua tahun

seperti mana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan selepas tarikh tersebut barulah ianya boleh dibentangkan di Parlimen.

Berhubung dengan sama ada untuk mendapatkan konsensus daripada semua pihak ianya tidak diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, semua pihak boleh memainkan peranan masing-masing apabila cadangan persempadanan SPR dipamerkan selama sebulan di seluruh negara, Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh memainkan peranan apabila cadangan persempadanan SPR dibentangkan di dalam Parlimen, sama ada untuk meluluskan atau menolaknya terpulang kepada Ahli Yang Berhormat untuk membuat keputusan.

Sekian. Terima kasih.